

EDISI MAC - APRIL 2024

| BIL. 2/2024

# IVORY

BULETIN KKT M SRI GADING

Selamat  
ULANGTAHUN MARA

ke 58 tahun

1 MAC 1966 - 2024

MAJLIS ANUGERAH  
TEKNOUSAHAWAN  
TVET @ KKDW

KKTM Sri Gading rangkul  
3 anugerah



# Majlis Anugerah TEKNOUSAHAWAN **TECNOUSAHAWAN** **ET@KKDW** 2023 PILIHAN KEMAHIRAN ANDA

**Disempurnakan Oleh:**  
**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
Timbalan Perdana Menteri &  
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah



29 April



# **PRESTIJ DAN KECEMERLANGAN: KKTM SRI GADING MENAWAN MAJLIS ANUGERAH TEKNOUSAHAWAN TVET**




# ACADEMIC WINNER OF VE USER OF THE YEAR COMPETITION

Akief Hakim bin Azman

Ketika dunia kearah memulakan langkah penyahkarbonannya; Road to Nett Zero Carbon Emission 2050, penggunaan perisian Virtual Environment (VE) dalam mereka bentuk bangunan (building design) dan operasi bangunan (building operation) adalah sangat penting dengan mempertimbangkan keperluan untuk menghasilkan bangunan yang sangat mampan yang menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan.

Saudara Akief Hakim bin Azman, pelajar dari program DTE telah berjaya memenangi kategori projek akademik terbaik peringkat dunia dengan menggunakan aplikasi ApacheSim IESVE dalam memodelkan keselesaan terma dan sistem reka bentuk pasif di Dewan Darul Takzim, KKTMR Sri Gading. Selain itu, beliau turut dan mencadangkan penambahbaikan pada reka bentuk beban penyamanan udara (sistem rekabentuk aktif) dan kecekapan sistem penghawa dingin dewan.

Menurut penulis kajian kes saudara Akief dari Discoveris IES, Suzanne Wallace, Saudara Akief telah mencadangkan langkah penjimatatan tenaga Energy Conservation Measurs (ECM) tertumpu terutamanya pada pengurangan beban penyejukan (reka bentuk sistem pasif bangunan) dan mengoptimumkan parameter operasi peralatan penyejukan (reka bentuk sistem aktif bangunan).



Penggunaan Perisian Virtual Environment (VE) dari IES ini, telah diajar secara intensif pada pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau) Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading di dalam kursus Building Energy Analysis bagi memudahkan para pelajar untuk mereka bentuk bangunan hijau mengikut piawaian yang diperakui dunia.

Tahniah diucapkan kepada saudara Akief Hazim.



# KUIZ CELIK KELESTARIAN KAMPUS



Dalam usaha memupuk kesedaran serta mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar berkaitan Kelestarian Kampus Hijau, Jawatankuua Teknologi Hijau & Alam Sekitar KKTMSG telah menganjurkan aktiviti Kuiz Celik Kelestarian Kampus yang telah dijalankan semasa minggu aktiviti pelajar iaitu pada 3 Mac 2024 bertempat di Surau An-Nur KKT MSG.

Aktiviti dijalankan secara bersemuka dan atas talian. Soalan kuiz yang diberikan adalah merujuk kepada 5 prinsip asas bangunan hijau iaitu berkaitan tentang tenaga, penggunaan air, mobiliti hijau, kitar semula dan rekabentuk yang mampan. Lebih daripada 50 orang pelajar termasuk pensyarah telah melibatkan diri dalam kuiz tersebut dan hadiah saguhati diberikan kepada mereka yang menyertai Kuiz Celik Kelestarian Kampus ini.

Kuiz ini juga dijalankan secara maya (*on-line*) bagi tujuan memberi pendedahan secara meluas bukan sahaja kepada pelajar, bahkan kepada sesiapa sahaja bagi memupuk kesedaran berkaitan budaya hijau. Objektif utama aktiviti yang dijalankan adalah:

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar berkaitan Kelestarian Kampus Hijau.
2. Memupuk kesedaran berkaitan budaya hijau yang perlu diterapkan di dalam kampus.



# PROGRAM KITAR SEMULA FABRIK

Pada 21 Mac 2024, Jabatan Pengajian Am KKTMSG telah menganjurkan program "MELANGKAH KE ARAH PENGURUSAN SISA YANG MAMPAK: PROGRAM KITAR SEMULA FABRIK MEMBAWA HARAPAN BARU UNTUK INDUSTRI FABRIKASI" bertempat di Surau An-Nur KKTMSG pada jam 9.30 hingga 10.00 pagi. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan pendekatan baru dalam pengurusan sisa industri, khususnya dalam sektor fabrikasi. Dengan menggalakkan pengekalan sumber dan amalan mesra alam, program ini dijangka membawa impak yang positif kepada alam sekitar dan industri secara keseluruhan.

Program ini adalah kerjasama antara KKTMSG bersama Life Line Clothing Malaysia SDN BHD. Ianya melibatkan penerapan teknologi hijau dan amalan pintar untuk meningkatkan kecekapan penggunaan sumber serta mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Impak yang dijangka ialah mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pembuangan sampah, membantu mengurangkan pencemaran tanah dan air. Program Kitar Semula Fabrik adalah langkah penting ke arah pencapaian matlamat pembangunan mampan. Dengan kerjasama semua pihak, kita dapat membina masa depan yang lebih hijau dan berkekalan untuk generasi akan datang.


**"MELANGKAH KE  
ARAHPENGURUSAN  
SISA YANG  
MAMPAK:  
PROGRAM KITAR  
SEMULA FABRIK  
MEMBAWA  
HARAPAN BARU  
UNTUK INDUSTRI  
FABRIKASI"**





# Ramadan Kareem

“In this blessed month, let's increase our kindness and improve ourselves”



# Pelancaran Program Ihya' Ramadhan



Khamis | 14.3.2024 - Bulan Ramadhan, bulan yang dinantikan kemunculannya kerana terdapat banyak keberkatan di dalamnya. Oleh itu, bagi meraikan kedatangan bulan tersebut, satu majlis pelancaran program Ihya Ramadhan 1445H peringkat KKTm Sri Gading telah dilaksanakan di Surau Annur.

Majlis ini merupakan kerjasama antara Sekretariat Kerohanian dan Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) yang sering menggerakkan aktiviti dakwah di KKTm Sri Gading. Ianya telah dirasmikan oleh Tuan Haji Azman bin Ali, Pengarah KKTm Sri Gading.

Antara pengisian dalam program Ihya Ramadhan ini ialah tadarus Al-Quran, Dulang Iftar Ramadhan, pemberian duit raya kepada pelajar-pelajar asnaf, majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim di kawasan sekitar, sumbangan sekampit beras dan qiamullail peringkat setiap program.



Seperti yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam satu hadis baginda “Seandainya manusia mengetahui keistimewaan Ramadhan, nescaya mereka ingin supaya sepanjang tahun itu adalah Ramadhan” - Hadis Riwayat al-Thabrani, Ibnu Khuzaimah & al-Baihaqi, maka aktiviti-aktiviti ini dirancang untuk memberi peluang kepada semua yang ingin merebut ganjaran sangat banyak dalam bulan Ramadhan ini.

Sebagai pembukaan kepada program ini, satu ceramah yang bertajuk “Marhaban Ya Ramadhan” telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Akhyar bin Zainuddin. Dalam ceramah tersebut, beliau telah menyampaikan beberapa perkara penting seperti rukun-rukun puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa. Selain itu, penceramah turut menyampaikan kisah bagaimana pada malam pertama bulan Ramadhan, syurga dihias dengan secantik-cantiknya dan ditupukan satu hembusan wangian untuk mencantikkan lagi syurga kerana Allah menghiaskan syurga untuk mereka yang suka berpuasa pada bulan Ramadhan.



Program Santunan Kasih Ramadan telah diadakan pada 16 Mac 2024 (Sabtu) bertempat di Surau An-Nur KKT M Sri Gading dan Wisma Yatim Batu Pahat dengan anjuran program DTC.

Objektif program ini adalah untuk mengeratkan jalinan silaturahim serta memupuk sifat prihatin staf dan pelajar KKT MSG terhadap anak-anak yatim. Selain itu, program ini juga dapat mempromosikan KKT MSG kepada komuniti setempat.

Staf dan pelajar program DTC KKT M Sri Gading telah bergotong-royong menyediakan juadah berbuka puasa dan diserahkan kepada Puan Zarina serta 70 orang anak-anak yatim di Wisma Yatim Batu Pahat, Johor.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada En Zainuddin bin Zakaria (Timb Pengarah KPHP), Ts. Syed Ahmad Fauzan bin Syed Mohd (Ketua Program DTC) yang telah menyempurnakan majlis, staf dan pelajar DTC yang terlibat serta kepada semua yang telah memberikan sumbangan.



# MARA PRIHATIN SANTUNI KASIH SIRI KE 4 JEJAK KOMUNITI DUA'FA

Selasa | 26 Mac 2024 | Kawasan ADUN Parit Raja



Pada 26 Mac 2024, Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Promosi dengan kerjasama Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Parit Raja, SMK Tun Ismail dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah mengadakan program MARA Prihatin Santuni Kasih Siri Ke 4 Jejak Komuniti Dua'fa ke rumah pelajar asnaf di kawasan ADUN Parit Raja.



Delegasi KKTM Sri Gading diwakili oleh Ts. Lelasari bin Ali, Naimuddin bin Abdullah, Siti Jaleha binti Kasan, Ustazah Azni binti Che Ali, Roziana binti Hassanur Suriani binti Sidek, Ustaz Norazri bin Mohd Zaidin Pensyarah serta wakil pelajar Muhammad Fitri bin Rosmin dan Ayriel Miezanie bin Mohd.

Manakala Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula diwakili oleh Encik Taufik dan Puan Fatimah. ADUN Parit Raja, YB Nor Rashidah Ramli turut hadir menyantuni pelajar asnaf dalam program ini.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi menyantuni golongan asnaf dan menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan seperti beras, susu, kopi, biskut, minyak masak serta barang lain. Turut disampaikan adalah surat tawaran bersyarat kepada 10 pelajar asnaf SMK Tun Ismail yang terlibat dalam program ini bagi menyambung pengajian ke KKTM Sri Gading.

Pihak KKTM Sri Gading mengucapkan terima kasih kepada YB Nor Rashidah Ramli, ADUN Parit Raja, SMK Tun Ismail, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan para penyumbang kerana telah menjayakan program ini.

Tagline "Sure Bantu Asnaf" akan memastikan pelajar kurang berkemampuan mendapat pendidikan TVET yang terbaik.





# MARA PRIHATIN SANTUNI KASIH SIRI KE 4 JEJAK KOMUNITI DUA'FA

Rabu | 27 Mac 2024 | Kawasan Parlimen Sri Gading



Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Promosi dengan kerjasama Pusat Khidmat Wakil Rakyat Parlimen Sri Gading, SMK Sri Gading dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah mengadakan program MARA Prihatin Santuni Kasih Siri Ke 4 Jejak Komuniti Dua'fa rumah pelajar asnaf di kawasan Parlimen Sri Gading pada 27 Mac 2024.

Delegasi KKTM Sri Gading diwakili oleh Wan Jazlan Zuhairi bin Ghazali (TPHEA), Mohd Khairuddin bin Abd Majid, Ts. Norfazlina binti Md. Khir, Naimuddin bin Abdullah, Siti Musliha binti Musiran, Faza binti Yahya, Pentadbiran, Hairul Anwar bin Muhamad Noh serta wakil pelajar Muhammad Adib dan Muhammad Afiq.

Manakala SMK Sri Gading diwakili oleh Cikgu Anita binti Rosdi dan Cikgu Hamimmasriah binti Sairin. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula diwakili oleh Saudara Jamal.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi menyantuni golongan asnaf dan menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan seperti beras, susu, kopi, biskut, minyak masak dan lain-lain. Turut disampaikan adalah surat tawaran bersyarat kepada 10 pelajar asnaf SMK Sri Gading yang turut menerima sumbangan dalam program ini bagi menyambung pengajian ke KKTM Sri Gading.

Pihak KKTM Sri Gading mengucapkan terima kasih kepada Pusat Khidmat Wakil Rakyat Parlimen Sri Gading, SMK Sri Gading (SEGA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan para penyumbang kerana telah bersama-sama menjayakan program ini.

Tagline "Sure Bantu Asnaf" akan diteruskan dari masa ke semasa demi untuk memastikan pelajar luar bandar mendapat pendidikan TVET yang terbaik.





# MARA PRIHATIN SANTUNI KASIH SIRI KE 4 JEJAK KOMUNITI DUA'FA

Khamis | 28 Mac 2024 | KKTm Sri Gading

Pada 28 Mac 2024, Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Promosi dengan kerjasama Sekretariat Kerohanian serta Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah mengadakan program MARA Prihatin Santuni Kasih Siri Ke 4 Jejak Komuniti Dua'fa di KKTm Sri Gading.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pengarah KKTm Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali. Turut hadir dalam program ini adalah Ts. Lelasari bin Ali dan Hairul Anwar bin Muhamad Noh dari Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Promosi serta Nasimuddin bin Abdullah dan Ustaz Norazri bin Mohd Zaini dari Sekretariat Kerohanian.

Seramai 17 orang pekerja pembersihan menerima sumbangan berbentuk barang keperluan seperti beras, susu, kopi, biskut, minyak masak, tepung, gula dan barang lain. Sumbangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban para penerima.

Pihak KKTm Sri Gading mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan para penyumbang kerana telah menjayakan program ini.





MARA PRIHATIN  
SANTUNI KASIH SIRI KE  
4 JEJAK KOMUNITI  
DUA'FA



# MAJLIS KHATAM QURAN DAN PENUTUP IHYA RAMADAN 1445H



4 April 2024 – Sekretariat Kerohanian telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sekali gus majlis Penutup Program Ihya Ramadan 1445H. Majlis yang telah berlangsung di Surau Annur ini telah dihadiri oleh semua staf dan pelajar-pelajar yang beragama Islam.

Sebagai permulaan, majlis telah dimulakan dengan ceramah Badr al-Kubro yang bertajuk “Kedatangan Kemenangan dan Wahyu yang Menerangi Kehidupan”. Ceramah ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Zainuddin bin Mohd Noh.

Antara acara yang turut berlangsung dalam majlis ini ialah khatam Al-Quran yang telah disertai oleh beberapa orang pensyarah dan staf lelaki serta AJK BADAR. Selain itu, penyampaian hadiah untuk pemenang dan peserta Tiktok Ramadan Challenge telah diadakan serta penyampaian wang saguhati kepada imam dan bilal solat terawih yang telah bertugas sepanjang bulan Ramadan.

Sebagai penutup, Tuan Haji Azman bin Ali selaku Pengarah KKTMR Sri Gading telah menyampaikan perutusan Raya kepada semua hadirin. Antara intipati ucapan beliau ialah untuk kita sama-sama bersyukur kepada Allah kerana telah diberi peluang untuk beribadah dalam bulan Ramadan ini. Semoga segala amalan kita diterima oleh Allah s.w.t. dan akan diteruskan dalam kehidupan masing-masing.



# Selamat Hari Raya Cidulfitrī

Maaf Zahir & Batin



Ikhlas daripada semua warga KKTM Sri Gading

# MAJLIS SAMBUTAN

## “Raikan Kesyukuran Aidilfitri”



28 APRIL 2024- KKTm Sri Gading bersama Program DTC telah menganjurkan majlis sambutan 'Raikan Kesyukuran Aidilfitri' bagi meraikan Aidilfitri bersama semua warga KKTm Sri Gading dan tetamu jemputan.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan yang telah disampaikan oleh Pengarah KKTMSG, Tuan Haji Azman bin Ali. Sembilan unit gerai yang terdiri daripada semua jabatan, program dan unit telah dihias indah dengan turut menyajikan pelbagai jenis juadah.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan oleh pasukan silat dan tarian dari Kelab Kesenian & Kebudayaan KKTm Sri Gading. Dalam memberkati majlis ini, kumpulan BADAR An-Nur KKTm Sri Gading dijemput untuk memimpin bacaan selawat dan juga qasidah.

Di akhir majlis, pengumuman pemenang gerai terbaik telah diumumkan oleh pihak pengajur. Senarai pemenang gerai terbaik adalah Unit Pentadbiran, program DTC dan program DTV. Diharapkan program ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan ukhwah di kalangan warga KKTm Sri Gading.









PROGRAM

# HELWA

HAL EHWAL WANITA



# WANITA BESTARI FIQH

## Siri 2



Khamis | 21.3.2024 - Wanita Bestari Fiqh Solat Gemilang Siri ke-2 ini adalah kesinambungan daripada kuliah Fiqh Wanita siri pertama. Dalam Siri ke-2 ini, penceramah Ustazah Zuraidah binti Umar telah menerangkan tentang perkara utama yang dilalui oleh setiap wanita terutama berkenaan haid seperti warna darah haid, tempoh minimum dan maksimum haid dan juga berkenaan tempoh suci.

Selain itu, penceramah telah menerangkan berkenaan mandi hadas serta kaedah pengambilan wudhu. Majlis ilmu ini telah dihadiri oleh semua siswi KKTM Sri Gading serta staf wanita yang berkelapangan.

Semoga apa yang telah disampaikan oleh penceramah dapat menambahbaik kualiti ibadah semua yang hadir.



# WANITA BESTARI FIQH

## Solat Gemilang Siri 3

Khamis | 18.4.2024 - Wanita Bestari Fiqh Solat Gemilang Siri ke-3 ini adalah siri terakhir bagi program Pemantapan Fiqh Wanita bagi sesi Januari - Jun 2024. Dalam pertemuan ini, penceramah telah menerangkan berkenaan perkara asas tentang solat. Antaranya berkenaan rukun solat, tiga jenis rukun iaitu rukun qauli, rukun qolbi dan rukun fili. Perkara-perkara yang membatalkan solat turut diterangkan. Bagi meningkatkan kefahaman peserta, penceramah turut menunjukkan demonstrasi posisi tubuh badan dalam solat seperti rukuk dan sujud.

Tatacara dan syarat solat jamak juga telah diterangkan oleh penceramah. Beliau kerap kali mengingatkan pelajar untuk jangan meninggalkan solat kerana ianya merupakan kewajiban setiap orang yang mukallaf. Semoga program ini dapat meningkatkan kefahaman yang lebih dan dapat diteruskan lagi di masa akan datang.

Sebagai penutup program, Puan Salihah binti Sombar selaku Penyelaras HELWA KKT M Sri Gading telah menyampaikan ucapan penutup di akhir program ini.



Beliau kerap kali mengingatkan pelajar untuk jangan meninggalkan solat kerana ianya merupakan kewajiban setiap orang yang mukallaf.



# CALISTA CHALLENGE

Iznin | 4.3.2024 - Menyemarakkan lagi Minggu Aktiviti, HELWA turut menganjurkan satu program santai buat siswi KKTM Sri Gading iaitu Calista Challenge. Fenomena barista ini mula mewarnai dalam masyarakat apabila tular sajian kopi dihiasi dengan corak daun yang menarik. Program ini adalah berbentuk satu pertandingan membuat dan menyajikan minuman berbasis espresso yakni satu jenis minuman kopi.

Alumni KKTM Sri Gading dari program DTM iaitu saudara Naim yang telah berkecimpung dalam dunia barista turut diundang sebagai pemudahcara dalam program ini. Para peserta telah ditunjukkan bahan-bahan dan demonstrasi dalam penyediaan kopi. Mereka telah diberikan tempoh masa serta bahan-bahan untuk menyediakan dan menyajikan secawan kopi dan dikehendaki untuk menatarias kopi mereka. Penilaian telah dibuat berdasarkan rasa, kreativiti, pembentangan sajian mereka serta kebersihan tempat kerja.



Tahniah pelajar dari program DTV kerana telah menduduki tempat pertama bagi program ini.

# LAWATAN PENANDA ARAS PROGRAM ICOE DI MARA JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE (MJII)



Khamis | 7 Mac 2024 - Jawatankuasa Perhubungan Industri telah mengadakan lawatan penanda aras program ICoE di MARA Japan Industrial Institut (MJII).

Delegasi KKTG Sri Gading diwakili oleh Pengarah KKTG Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali, Ts. Mohamad Wazir Syafiq bin Osman (Ketua Program DTE), Ts. Syed Ahmad Fauzan bin Syed Mohd (Ketua Program DTC), Mohd Rashwan bin Arshad, Mardzuqi bin Ms Noor, Khairil Imran bin Fadillah, Muhd Ruzaini bin Ahmad Suhaimi serta Hairul Anwar bin Muhamad Noh (Pegawai Perhubungan Industri).



Manakala MARA Japan Industrial Institut (MJII) diwakili oleh Mohd Iswandi bin Katutu, (Ketua Jabatan Mikroelektronik), Mohd Khairul Adzhar Bin Umar (Ketua Jabatan Transmisi Data & Rangkaian), Ubaidullah Bin Aziz, Dzulhizzam Bin Dulaidi, Azlin Binti Ramli, Pensyarah dan Najwan Bin Abdul Rahman (Pegawai Perhubungan Industri).

Tujuan lawatan penanda aras ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan mengenai pelaksanaan program Industry Centre of Excellence (ICoE) di MJII.

Pengisian program dimulakan dengan taklimat kerjasama industri bersama pihak industri, institusi pendidikan dan internasional oleh pihak MJII.

Seterusnya turut diadakan taklimat pelaksanaan program ICoE bersama Mikrotik Academy dan Nanomite Centre of Excellence oleh pihak MJII.

Pihak KKTG Sri Gading mengucapkan terima kasih kepada MARA Japan Industrial Institut (MJII) atas layanan dan perkongsian pengalaman yang cukup berharga.

Semoga pelaksanaan program ICoE ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.



# KUNJUNGAN HORMAT KE MKRS TRAINING INSTITUTE (MTI)



Khamis | 7 Mac 2024 - Jawatankuasa Perhubungan Industri telah mengadakan kunjungan hormat ke MKRS Training Institute (MTI) di Bandar Baru Bangi.

Delegasi KKTM Sri Gading diwakili oleh Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali, Ts. Mohamad Wazir Syafiq bin Osman (Ketua Program DTE), Ts. Syed Ahmad Fauzan bin Syed Mohd (Ketua Program DTC), Mohd Rashwan bin Arshad, Mardzuqi bin Ms Noor, Khairil Imran bin Fadillah, Muhd Ruzaini bin Ahmad Suhaimi serta Hairul Anwar bin Muhamad Noh (Pegawai Perhubungan Industri). Manakala MKRS Training Institute (MTI) diwakili oleh Vinix Wong dan Anis Fadhli Omar (Trainer).

Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah bagi memberi maklumat mengenai peluang kerjaya dalam bidang scaffolding dan kursus yang dijalankan oleh MTI. Pengisian program dimulakan dengan taklimat dan seterusnya lawatan ke kemudahan latihan yang disediakan oleh pihak MTI.

Pihak KKTM Sri mengucapkan terima kasih kepada MKRS Training Institute (MTI) atas layanan dan perkongsian pengetahuan yang cukup berharga. Semoga jalinan kerjasama industri ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

# LAWATAN MOCK UP AUDIT ETAC - BKT



The banner features the text "LAWATAN MOCK UP AUDIT ETAC BAGI PROGRAM DTE & DTV" in large white letters. It includes logos for KKM Sri Gading (SRI GADING) and ETAC, along with a date and time indicator (0-0 24 APRIL 2024 8.00 PAGI - 5.00 PETANG). A blue-toned background image shows a modern building complex.

0-0 24 APRIL 2024  
8.00 PAGI - 5.00 PETANG  
BILIK MESYUARAT | BILIK SEMINAR | BENGKEL

1 Bangunan Hijau  
2 Pemodelan Maklumat Bangunan



Pada 24 April 2024 telah berlangsung lawatan mock up Audit ETAC oleh pihak BKT untuk 2 program di KKTm Sri Gading iaitu Diploma Teknologi Bangunan Hijau (DTE) dan Diploma Teknologi Pemodelan Maklumat Bangunan (DTV). Lawatan dari pihak BKT telah di wakili oleh Puan Rokiah binti Endut selaku ketua dari pihak BKT, Puan Azeanna binti Abdullah, Puan Norsyuriatie binti Abd Aziz, Puan Asmaniza binti Abdul Talib dan Encik Mohd Fahri bin Abd Ghafar. Jawatankuasa ETAC KKTm Sri Gading diketuai oleh Puan Mazni binti Awang, setiausaha Puan Zaidatul Aishah binti Kamal.

Sepanjang lawatan ini, pihak BKT telah membincangkan isu-isu yang berbangkit bagi tujuan untuk menambahbaik dokumentasi sebelum pihak ETAC menilai keseluruhan dokumen yang disediakan oleh kedua-dua program. Kesemua staf pentadbiran dan staf program DTE dan DTV telah memberikan kerjasama yang baik bagi melancarkan lawatan ini sehingga selesai.

Diakhir lawatan ini, pihak BKT meminta semua yang terlibat untuk membuat kemaskini apa yang telah dikomen semasa sesi perbincangan dibuat untuk persediaan lawatan sebenar audit ETAC pada minggu hadapan.



# LAWATAN MOCK UP AUDIT ETAC - BKT

# **Program CSR I Love KKT M Sri Gading**



Program CSR "I Love KKT M Sri Gading" adalah inisiatif pelajar program Diploma Teknologi Kejuruteraan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH) yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia bagi sesi Januari-Jun 2024. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk melatih pelajar bersosial dalam masyarakat dengan mengambil kira peranan dan sumbangan mereka kepada komuniti melalui pelbagai aktiviti khidmat masyarakat yang memberi impak langsung kepada persekitaran akademik.

Salah satu aktiviti utama yang dijalankan dalam program CSR ini adalah kerja-kerja membaikpulih pam tandas di sekitar blok akademik. Dalam usaha murni ini, pelajar-pelajar turut dibimbang oleh staf KKT M Sri Gading bersama-sama berganding bahu bagi memastikan kemudahan tandas yang lebih baik dan bersih. Fokus utama aktiviti kali ini bukan sahaja tertumpu kepada membaiki kemudahan asas di kolej, bahkan juga meningkatkan keselesaan bagi seluruh warga kolej.

Pelajar yang terlibat mendapat pengalaman praktikal dalam penyelenggaraan fasiliti, sementara staf turut menyumbang kepakaran mereka dalam memastikan proses baikpulih berjalan lancar. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat mempraktikkan kemahiran teknikal mereka sambil memupuk nilai kerjasama dan tanggungjawab sosial.<sup>6</sup>



Selain itu, program CSR ini juga melibatkan kerja-kerja membuka kerusi di Dewan Teater B. Aktiviti ini dijalankan untuk tujuan penyelenggaraan dan pembinaan. Membuka kerusi di dewan tersebut adalah langkah awal dalam mengekalkan kemudahan dewan yang selesa dan berfungsi dengan baik. Dewan Teater B merupakan tempat penting bagi pelbagai aktiviti kolej dan pelajar, termasuk ceramah, bengkel, dan acara rasmi. Oleh itu, memastikan kemudahan dewan dalam keadaan baik adalah sangat penting bagi keselesaan dan kelancaran program-program yang diadakan. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan bekerja dalam pasukan, yang merupakan salah satu objektif utama kursus Pengajian Malaysia.



Program CSR "I Love KKTm Sri Gading" menunjukkan komitmen KKTm Sri Gading dalam memberikan impak positif kepada persekitaran akademik melalui aktiviti baikpulih dan penyelenggaraan fasiliti. Melalui usaha-usaha ini, kolej bukan sahaja dapat menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran, tetapi juga memupuk semangat kerjasama dan tanggungjawab sosial di kalangan pelajar dan staf.

Kursus DUA20062 Pengajian Malaysia telah berjaya melatih pelajar untuk bersosial dan menyumbang kepada komuniti dengan cara yang bermakna. Dengan semangat gotong-royong, program ini diharapkan dapat meningkatkan keselesaan dan kualiti kemudahan bagi seluruh warga kolej, sekaligus memupuk komuniti yang lebih berdaya saing dan sejahtera.



**"Program CSR I Love KKTm Sri Gading menunjukkan komitmen KKTm Sri Gading dalam memberikan impak positif kepada persekitaran akademik melalui aktiviti baikpulih dan penyelenggaraan fasiliti."**

# KURSUS PEMANTAPAN CONTENT MARKETING MEDIA SOSIAL



11 Mac 2024- Jawatankuasa Rakan Media Sosial telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kursus pemantapan content marketing media sosial di kalangan kakitangan KKT M Sri Gading. Guru usahawan terbaik KKT M Sri Gading iaitu Puan Nooridah binti Ithnin dan Encik Helmi bin Mohamed telah diberi tanggungjawab untuk berkongsi dan memberi pandangan serta pendapat dalam menghasilkan kualiti posting terbaik dan engagement media sosial KKT M Sri Gading.

Seramai 19 orang kakitangan yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Rakan Media dan Rakan Media Sosial telah terlibat dalam kursus ini. Di antara objektif kursus ini adalah bagi memberi pendedahan kepada ahli jawatankuasa yang baru dilantik berkaitan dengan Kandungan pemasaran (content marketing) untuk media sosial seiring dengan perkembangan semasa, memantapkan kebolehan dan kepakaran kepada ahli jawatankuasa dalam mengendalikan media sosial secara teratur dan sistematis dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai Ahli Jawatankuasa Rakan Media dan Rakan Media Sosial dan meningkatkan kualiti posting dan engagement media sosial KKT MSG secara keseluruhannya.

# JOM BACA BERSAMA

## “10 MINIT”

Pada 23 Mac 2024, Perpustakaan KKT M SG telah menganjurkan PROGRAM JOM BACA BERSAMA “10 MINIT” kepada semua staf dan pelajar KKT M SG di tempat masing-masing. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mendorong dan menggalakkan staf dan pelajar KKT M SG untuk membaca. Dimulai dengan langkah awal selama 10 minit sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan. Program ini merupakan satu daripada kegiatan utama Gerakan Dekad Membaca kebangsaan 2020-2030 dengan slogan “Malaysia Membaca”.



Pelaksaaan program ini dijalankan dengan menggalakkan staf dan pelajar untuk berhenti sebentar daripada melakukan apa-apa juga pekerjaan atau aktiviti untuk membaca apa-apa juga bahan bacaan selama 10 minit. Semua yang terlibat dialu-alukan untuk menghantar gambar dan berkongsi di media sosial bagi menyemarakkan program ini.

Tema program jom baca bersama bagi tahun 2024 adalah “Baca dan Bahagia” “Pembacaan melestarikan perpaduan 2024”. Program ini digerakkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan diadakan serentak pada tarikh dan masa yang sama di seluruh Malaysia. Program ini juga penting untuk menerapkan nilai dan budaya cinta akan buku dan cinta akan ilmu.



# BENGKEL APLIKASI CANVA

Bengkel Aplikasi Canva ini telah diadakan pada 30 Mac 2024 (Sabtu) bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Dewan Teater A, KKTm Sri Gading.

Bengkel anjuran Unit Matematik Jabatan Pengajian Am ini melibatkan 107 orang peserta yang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus Matematik 1 (DUM10122) bagi Sesi Jan - Jun 2024.

Bengkel ini juga telah disampaikan oleh Puan Nooridah binti Ithnin yang merupakan pensyarah Unit Usahawan Jabatan Pengajian AM KKTm Sri Gading. Beliau juga merupakan penerima Anugerah E-Usahawan Pensyarah TVET Terbaik MDEC bagi tahun 2022.

Matlamat utama bengkel ini dilaksanakan adalah bagi:

1. Memperkenal dan memberi penerangan berkenaan poster.
2. Menerangkan langkah aras dalam menghasilkan poster.
3. Memperkenal aplikasi yang sesuai untuk menghasilkan poster.

Diharapkan peserta yang terlibat dapat mengaplikasikan dan memanfaatkan kandungan bengkel ini sebaik mungkin sepanjang berada di KKTm Sri Gading.



# MUET PREPARATORY WORKSHOP

On Sunday, the 3rd of March 2024, the English Unit of KKTm Sri Gading successfully organized a comprehensive MUET (Malaysian University English Test) Preparation Workshop. Attended by eager participants, the workshop aimed to bolster students' English proficiency, particularly in writing and speaking skills, essential for excelling in the MUET examination.

The workshop featured esteemed speaker Ms. Rosnizam Ahmad, who shared invaluable insights and strategies to help participants navigate the complexities of the MUET exam. Facilitated by Muhamad Amirul Hakimi Kamal and Nur Izzah Gazali, the event fostered an interactive learning environment conducive to skill enhancement.



The event received positive feedback from attendees, who expressed gratitude for the invaluable guidance provided by the speakers and organizers. Participants left the workshop feeling more confident and well-equipped to tackle the challenges of the MUET examination.

Overall, the MUET Preparation Workshop conducted by the English Unit of KKTm Sri Gading served as a testament to the institution's commitment to nurturing academic excellence and empowering students to achieve their full potential in English proficiency.



## KEY OBJECTIVES:

- Enhancing English Proficiency: The workshop focused on refining participants' writing and speaking abilities, crucial components of the MUET examination. Through targeted exercises and discussions, students honed their linguistic skills, preparing them for success in the test.
- Effective Test-Taking Strategies: Ms. Rosnizam Ahmad imparted invaluable test-taking strategies, including time management techniques and approaches to tackle different question types across various sections of the MUET exam. Participants gained a deeper understanding of how to optimize their performance under exam conditions.
- Hands-on Practice: The workshop provided ample opportunities for hands-on practice and application of newly acquired knowledge. Participants engaged in practice tests designed to simulate the actual MUET exam environment, enabling them to familiarize themselves with the format and expectations of the test.



KKTMSG X  
BLACKENED FUTSAL

REGISTER FEE : RM70  
24 TEAM ONLY!

## TOURNAMENT FUTSAL PARIT RAJA

CONTACT US FOR MORE INFORMATION :  
017-7013625 (IKMAL)

ANJURAN : PELAJAR DTM KKTMSG X

DIRASMIKAN OLEH : YB CIKGU  
AMINOLHUDA BIN HASSAN BERSAMA  
YB NOR RASHIDAH BINTI RAMLI

BLACKENED  
FUTSAL



# KEJOHANAN FUTSAL TERBUKA PARIT RAJA


Pada 2 Mac 2024 telah berlangsung Kejohanan Futsal Terbuka Parit Raja di lokasi Blackened Parit Raja dan seramai 24 orang peserta dari Daerah Batu Pahat telah menyertai program ini.

Program ini merupakan anjuran para pelajar dari program DTM Semester 4 dibawah projek simulasi Start Up Enterprise Unit Keusahawanan KKTMSG X. Objektif program ini adalah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran kepimpinan, komunikasi dan nilai tambah dalam membentuk jati diri sebagai seorang remaja yang berketrampilan dan beradab.



Pihak KKTMSG X Sri Gading berbesar hati diatas kesudian Tn. Shahrul Anuar bin Sanusi yang mewakili Ahli Parlimen Sri Gading, YB Tn. Hj. Aminolhuda bin Hassan untuk merasmikan program ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat ADUN Parit Raja, YB Nor Rashidah binti Ramli yang turut sudi meluangkan masa dalam sesi penyerahan hadiah kepada pemenang pada sebelah petang.





# Debat KKTMSG

TAJUK : KEJUJURAN JURUTERA : TULEN ATAU TIDAK



Pada tanggal 4 Mac 2024, Kelab Debat KKTMSG Sri Gading telah menganjurkan satu program debat antara pelajar-pelajar KKTMSG mengikut program masing-masing. Program ini telah dihoskan oleh Saudari Nur Alya Haidah Ali. Ianya bertujuan untuk membincangkan norma dan kod etika yang merangkumi kaedah kerja dan reputasi profesional sebagai jurutera. Debat ini juga membincangkan mengenai impak kejujuran terhadap kualiti hasil kerja dan kestabilan projek yang berpengaruh terhadap masyarakat dan keselamatan awam.



Program-program seperti ini perlu diberi perhatian agar pelajar-pelajar kita berani untuk ke hadapan bagi menyuarakan pandangan masing-masing yang melibatkan banyak perkara yang boleh dibincangkan bersama-sama.

Syabas buat pelajar-pelajar yang terlibat



# TEMUDUGA KERJAYA BERSAMA BIM CREW RESOURCES

Pada 25 April 2024, BIM Crew Resources telah berkunjung ke Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading bagi sesi temuduga kerjaya bersama pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan).

Pihak pengurusan BIM Crew Resources yang diketuai oleh En. Muizzuddin bin Jambari (Pengurus Operasi) dan diiringi oleh En. Muhammad Amin bin Abas @ Azizan (BIM Coordinator) dan Saudara Nabil Syahmi bin Sahril (Senior BIM Modeller) telah disambut oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik (HEA), En. Wan Jazlan Zuhairi bin Ghazali, Ketua Program DTV, En. Mohamad Baharin bin Ahmed dan Pegawai Perhubungan Industri, En. Hairul Anwar bin Muhamad Noh.

Seramai 13 orang pelajar program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan) telah menghadiri temuduga bagi latihan industri dan seterusnya bekerja dengan kadar gaji serta eluan berjumlah RM2700.

Dalam sesi tersebut, penyampaian Sijil Penghargaan kepada pihak industri juga telah diadakan sebagai menghargai syarikat yang menyelia pelajar Latihan Industri sesi Januari 2024. Selain itu, penyampaian Surat Hasrat Lantikan sebagai Panel Penasihat Industri bagi program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan) turut dilaksanakan.

Pihak syarikat juga dibawa melawat ke BIM Lab Dan kemudahan pembelajaran program DTV.

Semoga jalinan kerjasama ini dapat meneruskan peluang jaminan penempatan pelajar untuk Latihan Industri dan tawaran pekerjaan kepada pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Terima kasih BIM Crew Resources!



# Open-classroom Concept : Ruang Kreativiti Tanpa Had untuk Pembelajaran

P E N U L I S : S Y A R A F I N A O M A R



Transformasi lanskap akademik teknikal dan vokasional negara kini bermatlamat untuk membangunkan potensi sumber manusia yang kreatif dan inovatif, seiring dengan pernyataan Dasar TVET Negara 2030 iaitu menyediakan tenaga kerja yang berkelayakan, mempunyai nilai positif, berfikiran kreatif, berkemahiran untuk pemodenan negara. Namun, menurut perspektif pemain industri di negara ini, kurikulum TVET perlu mempertingkatkan kualiti program dan graduan untuk memenuhi keperluan industri. Peningkatan kualiti pendidikan TVET dapat diteruskan seiring dengan peringkatan nilai kreativiti dalam kalangan graduan TVET. Bukan sahaja kecekapan dari sudut intelek, malah memiliki pemikiran yang kreatif dan inovatif amat penting untuk kelestarian pembangunan masyarakat dan negara. Penghasilan sumber manusia yang kreatif menjadikan negara ini mampu bersaing di peringkat global.

Menurut definisi, kreativiti ialah suatu penciptaan idea baru yang relevan dan mempunyai nilai, bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang wujud. Ianya dianggap sebagai suatu kemahiran asas berfikir kelas pertama dalam arus pendidikan abad ke-21. Pembentukan kreativiti seseorang individu bertitik tolak daripada tahap motivasi untuk melaksanakan sesuatu tugas. Tahap motivasi ini berkait rapat dalam menentukan kemajuan sesebuah pencapaian. Selain itu, kreativiti juga terhasil apabila seseorang itu mempunyai matlamat dan rasa tanggungjawab yang penuh untuk menyelesaikan suatu tugas.



Salah satu kaedah untuk mempertingkatkan kreativiti pelajar adalah melalui pendekatan pembelajaran yang berkonsepkan ‘kelas terbuka’ atau ‘open classroom’. Kelas terbuka merujuk kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyediakan fleksibiliti, berbeza dengan persekitaran pembelajaran secara tradisional. Pembelajaran tradisional mengakibatkan pelajar sentiasa perlu memberi perhatian sepenuhnya terhadap papan putih di hadapan kelas dari mula sehingga tamatnya sesi pembelajaran tersebut. Tambahan pula, pelajar selalu diwaspadakan untuk ‘tidak berganjak’ atau ‘jangan bergerak’ daripada tempat masing-masing sehingga tamat kelas. Jika dibandingkan dengan pembelajaran konsep terbuka, ruang kelas yang luas membolehkan pelajar bergerak secara bebas mengikut keperluan, kehendak dan minat mereka. Pendekatan pembelajaran dengan konsep terbuka inimenggalakkan keterlibatan yang tinggi dan intensif oleh pelajar dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Kelas terbuka adalah lebih kondusif terhadap kemahiran kreativiti kerana pelajar di beri kebebasan untuk mengatur dan mengawal proses pembelajaran mereka sendiri. Ianya menjadikan mereka lebih kreatif kerana diberi pilihan untuk mempelajari sesuatu secara kendiri dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tugas yang diberi. Malah konsep kelas terbuka ini menyokong interaksi yang lebih luas untuk pelajar berkolaborasi sesama mereka mahupun fasilitator.

Sebagai rumusan, pengembangan kemahiran kreativiti melalui pendekatan kelas terbuka dapat meningkatkan kualiti graduan TVET mengikut keperluan industri dan ianya perlu dilaksanakan secara berterusan mengikut arus pendidikan TVET nasional.

# Staff Recreation (STAR24)

Sebanyak tiga Acara STAFF RECREATION (STAR24) telah berlangsung dengan jayanya sebelum bulan Ramadan ini.

Mengikut kepada pungutan mata terkini, Crane Thunder mendominasi jumlah pungutan mata dengan 24 mata diikuti dengan Backhoe Cyborg dengan 22 mata. Bulldozer Fighter dan Excavator Titan mengekor rapat dan sentiasa memberi saingan sengit kepada pendahulu STAR24.

Terima kasih kepada penyelaras sukan yang telah bertungkus lumus dan memberi komitmen terbaik sepanjang acara STAR24 bagi Bulan Feb dan Mac 2024.

Acara yang akan dipertandingka selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri (April) ialah Karom dan Bola Jaring dan seterusnya acara-acara sukan lain pada bulan Mei, Jun dan Julai.

Terima kasih kepada semua staf atas komitmen dan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang acara berlangsung. Bagi menghormati bulan Ramadan, acara-acara sukan ditangguhkan selain memberi ruang kepada staf untuk fokus kepada ibadah.

FUTSAL TOURNAMENT MATCH RESULT						
	P	W	D	L	GD	PTS
BACKHOE CYBORG	6	5	1	0	7	16
CRANE THUNDER	6	2	1	3	0	7
BULLDOZER FIGHTER	6	2	0	4	-5	6
EXCAVATOR TITAN	6	1	2	3	-2	5



**STAR'24**  
KKTMSRI GADING  
RECREATION & MEDAL TALLY

RANK	TEAMS	GOLD	SILVER	BRONZE	MATCH	POINT
1	CRANE THUNDER	1	1	1	3	24
2	BACKHOE CYBORG	1	1	0	3	22
3	BULLDOZER FIGHTER	1	0	1	3	18
4	EXCAVATOR TITAN	0	1	1	3	14

AS PER 6 MARCH 2024



E-GAMES  
FIFA22 LEAGUE

	P	W	D	L	GD	PTS
BULLDOZER FIGHTER	12	7	4	1	15	25
EXCAVATOR TITAN	12	5	2	5	-3	17
CRANE THUNDER	12	3	5	4	-1	14
BACKHOE CYBORG	12	2	3	7	-11	9



**STAR'24**  
KKTMSRI GADING

**KEPUTUSAN PERLAWANAN BOLING**

KEDUDUKAN	1 <sup>st</sup>	2 <sup>nd</sup>	3 <sup>rd</sup>	4 <sup>th</sup>
LOGO	CRANE THUNDER	BACKHOE CYBORG	EXCAVATOR TITAN	BULLDOZER FIGHTER
PASUKAN	CRANE THUNDER	BACKHOE CYBORG	EXCAVATOR TITAN	BULLDOZER FIGHTER
BILANGAN JATUHAN PIN	1395	1064	1010	777
MATA	12	8	4	2

Pihak Jawatankuasa Kecemerlangan Organisasi dengan bangganya mengumumkan penerima-penerima Anugerah Pekerja Terbaik KKTM Sri Gading bagi bulan Mac 2024!

Tahniah kepada semua penerima anugerah atas pencapaian yang cemerlang dan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Pentadbiran:  
Cik Faza binti Yahya [DTC]

Akademik:  
En. Mardzuqi bin Md Noor [DTF]  
En. Naimuddin bin Abdullah [DTE]

Terima kasih atas dedikasi anda yang tidak berbelah bagi!  
Prestasi anda adalah inspirasi kepada semua warga KKTM Sri Gading!



Pihak Jawatankuasa Kecemerlangan Organisasi dengan bangganya mengumumkan penerima-penerima Anugerah Pekerja Terbaik KKT M Sri Gading bagi bulan April 2024!

Tahniah kepada semua penerima anugerah atas pencapaian dan komitmen yang cemerlang.

Terima kasih atas dedikasi anda yang tidak berbelah bagi! Prestasi anda adalah inspirasi kepada semua warga KKT M Sri Gading!

Pentadbiran:  
Pn. Azlina binti Sariff (PPTK)

Akademik:  
Pn. Zaidatul Aishah binti Kamal (DTH)  
Pn. Suhaya binti Sukemi (DTV)  
En. Mohd Zulkhaairi bin Tukimin (DTE)





# JAWATANKUASA RAKAN MEDIA KKTMSG 2024

**PENGURUSI**  
NOR AIN BINTI ABAS

**SETIAUSAHA**  
NORAZLINA BINTI MOHAMED

## AHLI

Ts. HAJAH AIDATUL SALWANI BINTI JAMALUDDIN  
AZIMA BINTI SAPUAN  
HAIRUL ANWAR BIN MUHAMMAD NOH  
NURUL ASHIKIN BINTI ABU BAKAR  
SUHAYA BINTI SUKEMI  
SITI NAZIRAH BINTI ABDUL RAHMAN  
Ts. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN

**EDITOR EDISI 2/2024**  
NOR AIN BINTI ABAS  
TS. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN

**TERIMA KASIH**

